

Keperluan Kemasukan ke program Bacelor Seni Bina Landskap

Pelajar yang mempunyai kelayakan seperti berikut boleh memohon untuk mengikuti program Bacelor Seni Bina Landskap.

A. KELAYAKAN MINIMUM CALON STPM

1. Syarat Am Universiti

- a) Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah; dan
- b) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PGNK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am/Kertas Am dan Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain; dan
- c) Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET)

2. Keperluan Khas Program

- a) Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (2.67) dalam satu (1) matapelajaran pada peringkat STPM tidak termasuk mata pelajaran Pengajian Am; dan
- b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (*Band 2*) dalam *Malaysian University English Test* (MUET); dan
- c) Lulus ujian temuduga yang dijalankan oleh pihak Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina.

B. KELAYAKAN MINIMUM CALON MATRIKULASI / ASASI

1. Syarat Am Universiti

- a) Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah; dan
- b) Lulus Asasi Sains Pertanian UPM / Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; dan
- c) Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET).

2. Keperluan Khas Program

- a) Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (PNGK 2.67) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam satu (1) mata pelajaran; dan
- b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (*Band 2*) dalam *Malaysian University English Test* (MUET); dan
- c) Lulus ujian temuduga yang dijalankan oleh pihak Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina.

C. KELAYAKAN MINIMUM CALON LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

1. Syarat Am Universiti

- a) Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia kertas Julai dan lulus dalam matapelajaran Sejarah mulai tahun 2013; dan
- b) Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat UPM; dan
- c) Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET).

2. Keperluan Khas Program

- a) Memiliki kelulusan salah satu (1) Diploma daripada Institusi berikut yang diluluskan oleh Senat Universiti Putra Malaysia:
- Diploma Pertanian, Diploma Perhutanan atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Universiti Putra Malaysia;
 - Diploma Seni Bina Landskap, Diploma Seni Bina, Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, Diploma Reka Bentuk Dalaman, Diploma Seni Lukis dan Seni Reka, Diploma Sains Geomatik, Diploma Kejuruteraan Awam atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Universiti Teknologi MARA;
 - Diploma Seni Bina, Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, Diploma Kejuruteraan Awam atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Universiti Teknologi Malaysia;
 - Diploma Hortikultur Landskap, Diploma Seni Bina, Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, Diploma Reka Bentuk Grafik, Diploma Seni Digital, Diploma Kejuruteraan Awam atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Politeknik Malaysia;
 - Diploma Pengurusan Landskap, Diploma Pertanian, Diploma Sains Pertanian atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Kolej Universiti Agrosains Malaysia (Kolej RISDA Melaka);
 - Diploma Seni Bina Landskap, Diploma Seni Bina, Diploma Reka Bentuk Dalaman atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Kolej Universiti Geomatika;
 - Diploma Seni Bina, Diploma Reka Bentuk Dalaman, Diploma Seni Reka Grafik atau Diploma dalam bidang berkaitan dengannya daripada Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur;
- dan
- b) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET); dan
- c) Lulus ujian temuduga yang dijalankan oleh pihak Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina.